



قوسٌ تَكْتُسُ اَيْ-جَاءُونَ

PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN

GARISPANDU

**TATACARA PEROLEHAN PERISIAN MICROSOFT
DI BAWAH MICROSOFT ENTERPRISE AGREEMENT (MSEA)**

[TERKINI]

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	3
2	Kepentingan Mendapatkan Perisian Microsoft Yang Tulen	3
3	Kelebihan-Kelebihan Kontrak MSEA	3
4	Perlantikan Syarikat	4
5	Tempoh Kontrak	4
6	Harga Lesen-Lesen Perisian Microsoft Dan <i>Software Assurance (SA)</i>	4
7	<i>Software Assurance (SA)</i>	4
8	<i>Step Up</i>	5
9	Penggunaan Kontrak	5
10	Pembelian Lesen <i>Core Product</i>	5
11	Tatacara Perolehan	6
12	Pembayaran	7
13	Hal-Hal Lain	8
Lampiran A – Proses Pembelian <i>Home Use Program (Akan dimaklumkan kemudian)</i>		
Lampiran B – Senarai Harga Perisian Produk-Produk Microsoft (True Up)		
Lampiran C – Contoh Pembelian Lesen Perisian dan <i>Software Assurance</i>		
Lampiran D – Senarai Harga Tahunan Membaharui <i>Software Assurance (SA)</i>		
Lampiran E – Senarai Harga <i>Step Up</i> Perisian Produk-Produk Microsoft		
Lampiran F – Contoh pembelian Lesen <i>Step Up</i>		
Lampiran G – Senarai Kandungan Lesen Perisian <i>Professional Desktop Platform</i>		
Lampiran H- Tatacara Perolehan Perisian Microsoft Melalui Projek		
Lampiran I – Tatacara Perolehan Perisian Microsoft Dengan Menggunakan Peruntukan Berulang-ulang		

PENDAHULUAN

Kontrak Microsoft Enterprise Agreement (MSEA) adalah merupakan satu perjanjian di antara Jabatan ini selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Syarikat Microsoft (Brunei) Sdn Bhd bagi membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapatkan perisian produk-produk Microsoft pada kadar harga yang ditentukan dengan faedah *Software Assurance* (SA), iaitu jaminan perisian yang diberikan oleh Microsoft bagi struktur perlesenan secara *Enterprise Agreement Perpetual*.

KEPENTINGAN MENDAPATKAN PERISIAN MICROSOFT YANG TULEN

2. MSEA adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan dalam melindungi kepentingan *Intellectual Property Rights* dan dalam masa yang sama mengurangkan ancaman-ancaman kepada komputer-komputer Kerajaan yang disebabkan oleh penggunaan perisian dan peralatan yang tidak tulen. Penggunaan perisian dan peralatan yang tidak tulen boleh menyebabkan kerosakan kepada sistem komputer Kerajaan seperti kerosakan kepada *hardware*, kehilangan data, *identity theft* dan boleh mendorong ancaman-ancaman keselamatan yang serius. Penggunaan perisian dan peralatan yang tulen mengurangkan ancaman-ancaman tersebut memandangkan perisian dan peralatan yang tulen itu dijamin dan dilindungi oleh pembuat perisian dan peralatan (*software and appliance manufacturer*).

KELEBIHAN-KELEBIHAN KONTRAK MSEA

3. Perlaksanaan perolehan perisian Microsoft di bawah MSEA akan memastikan Kerajaan memperolehi perkara-perkara berikut:

- i. Jaminan perisian dan peralatan yang tulen.
- ii. Proses perolehan perisian Microsoft yang lebih mudah dan cepat dengan kadar harga yang tetap bagi tempoh tiga (3) tahun.
- iii. Membolehkan pengurusan asset-asset perisian Kerajaan dapat dibuat dan dikawal dengan teratur memandangkan perolehan perisian-perisian Microsoft dipantau sepenuhnya oleh Jabatan ini.
- iv. Peningkatan perisian Microsoft dengan tiada kos tambahan jika terdapat versi terbaru perisian Microsoft dalam tempoh kontrak.
- v. Pemilikan (*ownership*) - Sekiranya komputer yang menggunakan lesen MSEA diganti dengan komputer yang baru atau dihapuskan, lesen berkenaan masih boleh digunakan untuk komputer yang baru. Begitu juga sekiranya sesebuah agensi Kerajaan digabungkan dengan agensi Kerajaan yang lain, maka perisian Microsoft masih boleh dipindah milik kepada agensi yang baru ditubuhkan tersebut.
- vi. Menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Dengan pembelian lesen perisian Microsoft melalui MSEA, perisian tersebut adalah hak milik kekal Kerajaan dan peningkatan perisian

Microsoft hanya boleh dibuat dengan memperbarui SA. Harga SA adalah jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga lesen perisian yang baru.

[Nota: Pembelian komputer secara *Open Licenses* dan perisian Microsoft yang dibekalkan oleh *Original Equipment Manufacturer* (OEM) tidak mempunyai SA. Peningkatan perisian kepada versi terbaru tidak akan dapat dibuat melainkan lesen perisian yang baru dibeli terlebih dahulu melalui Kontrak MSEA.]

vii. Faedah-faedah *Software Assurance* (SA) seperti berikut:-

- *New version rights*
- *Fail-over Servers*
- *License Mobility across Server Farms*
- *License Mobility through SA*
- *Azure Hybrid Use Benefit*
- *Unlimited Virtualization Rights (e.g. SQL Server)*
- *Home Use Program (Akan dimaklumkan kemudian)*
- *Ensure Efficient Deployment and Training*
- *IT Certification for Competency Building*
- *Disaster Recovery Rights*
- *Step Up Licenses Purchase Rights*

PERLANTIKAN SYARIKAT

4. Perisian Microsoft dengan faedah SA di bawah MSEA ini hendaklah diperolehi daripada syarikat yang dilantik oleh Syarikat Microsoft (Brunei) Sdn Bhd selaku *Microsoft Licensing Solution Partner* (LSP) bagi Negara Brunei Darussalam iaitu Syarikat Tech One Solutions Sdn Bhd.

TEMPOH KONTRAK

5. Tempoh kontrak adalah bermula pada 1 November 2017 hingga 31 Oktober 2020.

HARGA LESEN-LESEN PERISIAN MICROSOFT

6. Harga perisian Microsoft adalah harga pakej bagi harga lesen dan harga *Software Assurance* (Jaminan Perisian). Senarai harga dan perisian Microsoft bagi pembelian disenaraikan di **Lampiran B** dan contoh pembelian perisian dan SA di **Lampiran C**.

SOFTWARE ASSURANCE (SA)

7. SA bagi lesen-lesen Microsoft yang telah diperolehi dalam tempoh 1 November 2009 hingga 31 Oktober 2017 hendaklah diperbaharui setiap tahun iaitu pada 1 November 2017, 1 November 2018 dan 1 November 2019. Harga tahunan untuk membaharui SA ialah seperti yang disenaraikan di **Lampiran D**.

8. Kementerian/Jabatan perlu menyediakan peruntukan bagi pembayaran SA setiap tahun sebelum tarikh pembayaran SA mengikut kuantiti lesen yang telah diperolehi/dimiliki.
9. Kementerian/Jabatan adalah dikehendaki untuk memaklumkan setiap pembaharuan SA yang telah dijelaskan/dibayar mengikut kuantiti yang diperolehi/dimiliki kepada Ketua Pegawai Teknikal (CTO) di Kementerian/Jabatan masing-masing dan salinan kepada Jabatan ini (untuk perhatian Seksyen Perolehan di alamat e-mel: procurement@egc.gov.bn).

STEP UP

10. Melalui Kontrak MSEA, peningkatan dari lesen perisian *Standard Edition* atau *Lower Edition* kepada *Enterprise Edition* atau *Higher Edition* boleh dibuat dengan mengekalkan jaminan SA perisian tersebut. Lesen *Step Up* (yang membolehkan peningkatan lesen perisian berkenaan) boleh diperolehi tanpa perlu membayar harga penuh lesen perisian *Enterprise Edition* atau *Higher Edition*.
11. Harga lesen *Step Up* adalah merupakan harga perbezaan bagi lesen dan SA diantara perisian produk-produk *Enterprise Edition* dengan perisian produk-produk *Standard Edition*. Rujuk **Lampiran E** bagi senarai harga lesen *Step Up* dan **Lampiran F** bagi contoh pembelian lesen *Step Up*.

PENGGUNAAN KONTRAK

12. Semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang berhasrat untuk mendapatkan perisian Microsoft hendaklah mendapatkannya melalui kontrak MSEA (Rujuk **bilangan 17** bagi tatacara perolehan).
13. Kontrak MSEA ini dikecualikan bagi Jabatan Kerajaan berikut:
 - Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya disebabkan Kementerian ini berkelayakan untuk mendapatkan perisian Microsoft melalui *Microsoft Academic Licenses*.
14. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan adalah dilarang untuk memperoleh dan menggunakan perisian yang tidak berlesen.

PEMBELIAN LESEN CORE PRODUCT

15. Pembelian lesen *Core Product* iaitu *Professional Desktop Platform* adalah dimestikan bagi setiap pembelian komputer / notebook yang baru. Oleh kerana *Professional Desktop Platform* mengandungi "Windows Upgrade", maka Windows *OEM Business* atau *Professional* yang dibekalkan oleh pengeluar barang asal (*Original Equipment Manufacturer*) mestilah juga dibeli bersama dengan pembelian komputer/notebook baru tersebut.
16. Selain dari "Windows Upgrade", *Professional Desktop Platform* juga mengandungi *Client Access License* (CAL). Ia adalah lesen yang membolehkan pengguna mengakses dan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada pada perisian Microsoft *server* seperti *Email*, *Outlook Web App*, *SharePoint*, *Lync* dan sebagainya.

(Rujuk **Lampiran G** bagi kandungan perisian *Professional Desktop Platform*)

TATACARA PEROLEHAN

17. Tatacara permohonan bagi mendapatkan lesen perisian Microsoft yang terkandung dalam MSEA adalah tertakluk kepada tatacara pembelian berikut:

17.1 **Perolehan melalui projek** (dengan menggunakan peruntukan projek-projek e-kerajaan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara):-

- a. Kementerian/Jabatan hendaklah memilih dan menyediakan senarai lesen perisian Microsoft yang dikehendaki dan memasukkannya ke dalam spesifikasi dokumen tawaran yang akan diberikan kepada syarikat pembekal.
- b. Syarikat pembekal yang dilantik kemudiannya akan menghadapkan *Purchase Order* atau tempahan lesen perisian Microsoft (seperti yang disenaraikan dalam Dokumen Tawaran) kepada Syarikat yang dilantik selaku *Licensing Solution Partner* (LSP) bagi Negara Brunei Darussalam.
- c. Syarikat yang dilantik selaku Microsoft LSP seterusnya menghubungi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan memberi pengesahan tentang pesanan tersebut.
- d. EGNC akan memberikan *product key* melalui e-mel kepada Kementerian/Jabatan yang memohon.
- e. Dalam masa yang sama, Syarikat pembekal yang dilantik selaku Microsoft LSP akan memberikan produk media kepada syarikat pembekal bagi membolehkan syarikat pembekal berkenaan melaksanakan pemasangan perisian Microsoft yang ditempa.

(Rujuk **Lampiran H** bagi Tatacara Perolehan Perisian Microsoft Melalui Projek)

17.2 **Perolehan menggunakan peruntukan berulang-ulang Kementerian/ Jabatan.**

- a. Kementerian/Jabatan memilih dan menyediakan senarai lesen perisian Microsoft yang dikehendaki.
- b. Kementerian/Jabatan mengeluarkan *Purchase Order* untuk membuat tempahan lesen perisian Microsoft yang dikehendaki kepada Syarikat yang dilantik selaku Microsoft LSP bagi Negara Brunei Darussalam.
- c. Syarikat yang dilantik selaku Microsoft LSP seterusnya menghubungi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan memberi pengesahan tentang pesanan tersebut.
- d. EGNC akan memberikan *product key* melalui e-mel kepada Kementerian/Jabatan yang memohon.
- e. Dalam masa yang sama, Syarikat pembekal yang dilantik selaku Microsoft LSP akan memberikan produk media kepada pihak Kementerian/Jabatan bagi membolehkan pihak Kementerian/Jabatan melaksanakan pemasangan perisian Microsoft yang ditempa.

(Rujuk **Lampiran I** bagi Tatacara Perolehan Perisian Microsoft Dengan Menggunakan Peruntukan Berulang-Ulang)

Nota:

- Bagi kedua-dua tatacara bilangan 17.1 dan 17.2 di atas:
 - Semasa pihak syarikat membuat pemasangan, pihak Kementerian/Jabatan mestilah mencatatkan nombor siri perisian tersebut.
 - Pihak Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pihak syarikat tidak membuat pemasangan berlebihan daripada jumlah yang telah didaftarkan (*quantity enrolled*). Jika ini berlaku, pihak Kementerian/Jabatan adalah bertanggungjawab keatas pembayarannya atau berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini.
- *Product key* ialah kekunci kepada perisian Microsoft bagi membolehkan produk-produk berkenaan dipasang ke komputer atau *server* dan ianya dihantar melalui e-mel oleh pihak EGNC kepada Kementerian / Jabatan.
- Produk media adalah perisian Microsoft dalam bentuk CD yang disediakan oleh pihak Syarikat yang dilantik selaku Microsoft LSP.
- Pembelian perisian produk-produk Microsoft dikecualikan daripada proses tawaran biasa dan diberikan terus kepada Syarikat Microsoft sepertimana kebenaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK), Jabatan Perdana Menteri melalui surat bilangan JPM/S/LTK/EGNC/21/2017-2018 bertarikh 2 Sya'ban 1439 / 18 April 2018 dan bilangan JPM/S/LTK/EGNC/21/2018-2019 bertarikh 25 Zulhijjah 1439 / 6 September 2018.

PEMBAYARAN

18. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pembayaran bagi pembekalan lesen perisian tersebut dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh inbois dihadapkan oleh syarikat pembekal.

19. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan salinan dokumen-dokumen berikut disertakan dengan salinan asal tuntutan (inbois) semasa memproses pembayaran tuntutan berkenaan:-

- 19.1 Pesanan pembelian (*Purchase Order*);
- 19.2 Surat kebenaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK);
- 19.3 Surat penganugerahan (*Award letter*) kepada Syarikat Microsoft (Brunei) Sdn Bhd; dan
- 19.4 Surat lantikan Syarikat Tech One Solutions Sdn Bhd sebagai Microsoft LSP.

(Nota: Salinan surat-surat tersebut boleh diperolehi melalui *intranet* EGNC:- <https://egnc.intra.gov.bn> [Divisyen Pengurusan Kewangan > Shared Documents > Dasar dan Garispandu > **MICROSOFT ENTERPRISE AGREEMENT (MSEA)**] atau dari Ketua Pegawai Teknikal (CTO) Kementerian/Jabatan masing-masing).

HAL-HAL LAIN

20. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan,
Divisyen Pengurusan Kewangan
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan,
Gadong BE 1110,
Negara Brunei Darussalam
Nombor Telefon: 2424955, ext. 122, Faks: 2424940
E-Mel: procurement@egc.gov.bn

21. Sebarang pertanyaan mengenai produk-produk lesen Microsoft bolehlah dirujuk kepada:

Tech One Call Center,
Nombor Telefon: 2344500

<u>Waktu:</u>	
Isnin hingga Khamis:	8.30 pagi hingga 5.00 ptg
Jumaat:	8.30 hingga 11.00 pagi, 2.30 hingga 5.00 ptg
Sabtu:	8.30 pagi hingga 1.30 ptg